

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan cabaran utama dalam memastikan penggunaan domestik secara meluas Biodiesel B10 dalam sektor perindustrian.

JAWAPAN

Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan Program Biodiesel B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) pula akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2019 bagi sektor industri.

Program B7 ini dijangka akan menggunakan sebanyak 227,000 tan minyak sawit mentah (CPO). Cabaran utama pelaksanaan program ini adalah untuk meyakinkan pemain industri untuk menyokong penggunaan biodiesel B7. Terdapat dua faktor utama pemain industri tidak menyokong usaha ini, iaitu terdapat perbezaan harga diantara diesel B0 (diesel tanpa campuran biodiesel) dan biodiesel B7 dan penolakan penggunaan biodiesel B7 secara teknikal.

Secara amnya, pemain industri menolak penggunaan biodiesel B7 disebabkan faktor harga. Berdasarkan senario dan trend harga minyak pada ketika ini, akan terdapat sedikit peningkatan, iaitu sekitar RM0.0194 per liter. Perbezaan harga ini adalah sangat minima dimana sebelum ini pihak industri

telah menyerap harga diesel B0 yang lebih mahal ketika harga minyak dunia berlegar sekitar USD120 se tong pada tahun 2011 dan 2012. Pihak industri juga telah menikmati keuntungan apabila harga minyak jatuh sehingga mencecah sekitar USD20 se tong pada tahun 2015 dan 2016. Sehubungan itu, Kementerian Industri Utama (MPI) berpandangan adalah tidak wajar pihak industri mengatakan pelaksanaan Program B7 adalah membebankan berikutan kos bahan api ini ada sangat minima berbanding kos keseluruhan operasi pihak industri.

Cabaran kedua pelaksanaan program ini ialah dari sudut teknikal. Secara amnya enjin dan mesin industri adalah lebih lasak (*robust*) dan boleh menerima pelbagai jenis bahan api yang mempunyai ciri sama berbanding enjin kenderaan komersial dan persendirian. Dalam hal ini, MPI dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah membuat penilaian yang wajar dan mendapati secara keseluruhannya pihak industri tidak mempunyai masalah menggunakan biodiesel B7. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan yang prihatin, MPI dan MPOB turut memberi kelonggaran kepada pemain industri untuk memohon pengecualian dengan mengemukakan permohonan dan dokumen teknikal tertentu untuk dinilai oleh Jawatankuasa Pengecualian yang dikendalikan oleh MPI dan MPOB.

Sekian, terima Kasih.